

22 FEB 2000

IT-CeBIT/I

19 SYARIKAT MALAYSIA SERTAI CeBIT 2000

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Multimedia Development Corporation (MDC) akan menganjurkan penyertaan 19 syarikat Malaysia di satu daripada pameran perdagangan IT terbesar di dunia, CeBIT 2000, di Hanover, Jerman.

Syarikat-syarikat itu terdiri daripada pengeluar pelbagai kelengkapan dan aplikasi IT dan multimedia seperti papan litar bercetak, sistem paparan maklumat, sistem integrasi perisian dan kad pintar, kata MDC dalam satu kenyataan hari ini.

Rombongan perdagangan yang akan pergi selama seminggu daripada 24 Feb hingga 1 Mac itu adalah penyertaan kali ketiga dalam CeBIT yang dianjurkan oleh MDC.

Inisiatif pertama MDC dalam CeBIT adalah pada 1998 dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai rombongan itu. Tahun ini pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop akan mengetuai rombongan tersebut.

Inisiatif itu adalah sebahagian daripada usaha bersepadu untuk membolehkan syarikat IT dan multimedia Malaysia memperolehi kemasukan ke pasaran antarabangsa, kata MDC.

MDC juga berkata antara 19 syarikat itu, tiga terlibat dalam projek perintis Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

GMPC Corporation terlibat dalam Kad Pelagai Guna, Medical On-Line dalam Tele Perubatan manakala Sapura Advanced Systems pula dalam Kerajaan Elektronik.

Penyertaan ketiga-tiga syarikat itu adalah bukti kepada hakikat bahawa projek MSC masih lagi aktif, kata Dr Othman.

Dr Othman juga berkata penyertaan Malaysia dalam pameran perdagangan tahun ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa kualiti setiap syarikat menepati standard antarabangsa.

Beliau berkata pembabitan MDC dalam rombongan perdagangan seumpama itu adalah sebahagian daripada komitmen pertubuhan tersebut untuk membantu syarikat berstatus MSC yang berorientasikan eksport dalam menembusi pasaran global.

Beliau menambah MDC merancang untuk menganjurkan rombongan seumpama itu ke pameran perdagangan bertaraf antarabangsa lain sepanjang tahun ini.

Beberapa syarikat dijangka melancarkan produk baru mereka di pameran perdagangan itu. Sebuah daripadanya adalah VMS Technology Sdn Bhd yang dijangka melancarkan perisiannya, Bluejade TECS, kata MDC.

-- BERNAMA

MSL ZK